



28 APR, 2026

## THT tercibir mata gagal manfaat peluang

Kosmo, Malaysia



**THT gagal memanfaatkan aksi di tempat sendiri apabila diikat TNB pada aksi MHL kelmarin.** – FB PERSATUAN HOKI TERENGGANU

## THT tercibir mata gagal manfaat peluang

Oleh **AIZATIE NAJMIN SULAIMAN**

**PASUKAN** Hoki Terengganu (THT) menerima tamparan awal dalam kempen Liga Hoki Malaysia (MHL) 2026 apabila sekadar seri 1-1 dengan TNB Thunderbolts dalam aksi di Stadium Hoki Batu Buruk, kelmarin.

Keputusan tersebut menyakiskan juara trebel musim lalu itu terus tercibir mata berharga, sekali gus memberi isyarat awal bahawa musim kali ini bakal lebih sengit dan kompetitif.

THT terlebih dahulu dikejutkan jaringan awal Thunderbolts menerusi pukulan sudut penalti sebelum berjaya bangkit menyamakan kedudukan tidak lama kemudian.

Meskipun menguasai sebahagian besar permainan, skuad kendalian Mohd Harfizi Baharom gagal memanfaatkan beberapa

peluang terbaik untuk memastikan kemenangan berpihak kepada mereka.

“Keputusan seri bukan sesuatu yang kita sasarkan, tapi ini adalah cabaran sebenar liga musim ini yang sangat kompetitif. Kita berdepan pasukan yang mempunyai semangat juang tinggi seperti TNB Thunderbolts.

“Pemain Terengganu juga telah menunjukkan penguasaan sepanjang perlawanan, namun kita perlu jujur dengan diri sendiri, masih ada ruang besar untuk penambahbaikan, terutamanya dalam pengurusan detik-detik kritikal dan penyudah peluang,” katanya kepada *Kosmo!*

Tambah jurulatih itu, THT perlu segera memperbaiki kelemahan kecil yang boleh memberi kesan besar terhadap keputusan perlawanan.